

03/06/1998

IT kuasa baru penjajahan moden

Khairul Anuar Samad

KUASA teknologi maklumat (IT) menjadi kaedah baru paling berpengaruh masa kini bagi penjajahan sesebuah negara tanpa membabitkan penggunaan senjata seperti meriam dan kapal terbang.

Melalui kuasa itu, ekonomi negara tertentu dapat dilumpuhkan dengan hanya menggunakan kaedah pemindahan wang dengan menekan butang pada komputer.

Dalam sekelip mata beratus, malah beribu juta ringgit dapat dipindahkan ke negara lain.

Kuasa asing yang mencipta konsep perniagaan itu mempunyai matlamat mendapatkan kuasa luar biasa di seluruh dunia.

Dan kaedah itu juga yang mereka gunakan untuk menjajah semula negara asing, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Emtek 98, di Kelantan, minggu lalu.

"Sekarang sudah ada percubaan pihak berkenaan untuk menjajah semula Malaysia menggunakan kuasa IT itu," katanya.

Di samping itu mereka juga dikatakan mencipta dunia tanpa sempadan yang membolehkan mereka bergerak ke mana saja tanpa mempedulikan sempadan negara.

"Saya tidak tahu sama ada mereka sengaja mencipta ini untuk menguasai kita atau sebaliknya tetapi hakikatnya hari ini mereka sudah berjaya menjadikan kita miskin.

"Dengan ini, mereka dapat menguasai ekonomi negara memandangkan mereka akan terus kaya. Cara mereka berbuat demikian ada kalanya tidak disedari oleh rakyat negara yang dijadikan sasaran mereka," kata Mahathir.

Menurut Perdana Menteri lagi, "Apa yang pasti kuasa asing itu boleh menjadikan kita miskin dan akibatnya mereka berharap rakyat akan memberontak serta menyalahkan Kerajaan selain cuba mewujudkan bukan saja kegawatan ekonomi tetapi juga kegawatan politik."

Kuasa asing itu ingin menguasai semula negara yang pernah dibebaskan sebelum ini tanpa menggunakan senjata.

Sehubungan itu Mahathir mahukan zaman maklumat ini tidak hanya dinikmati masyarakat bandar saja, malah turut dikecapi oleh seluruh rakyat termasuk yang tinggal di kawasan luar bandar.

Beliau turut menegaskan bahawa IT adalah satu teknologi yang mampu membentuk bangsa dan negara itu maju serta kukuh tetapi harus juga berwaspada kerana ia boleh menghancurkan jika tidak memahami teknologi itu serta kuasanya.

Usaha menjatuhkan negara, menurut Mahathir, turut dilakukan oleh kuasa asing berkenaan apabila mereka mengecam pembentukan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan mengatakan projek mega itu satu pembaziran.

"Tetapi hakikat sebenarnya projek itu adalah satu usaha untuk meningkatkan keupayaan rakyat negara ini termasuk Bumiputera dalam bidang multimedia, khususnya IT," katanya.

Apa yang pasti niat kuasa asing itu memang tidak baik dan sebolehnya mereka ingin melihat masyarakat negara ini terus bodoh.

"Saya bangga kerana usaha Emtek ini dilakukan di luar bandar bagi membolehkan semua rakyat faham akan apa itu IT. Dan dengan kefahaman itu kita bukan saja dapat memanfaatkannya, malah mampu mempertahankan diri daripada serangan yang akan dilakukan ke atas kita dan negara pada zaman dunia tanpa sempadan ini," katanya.

Di samping itu, beliau juga menggesa pelajar sekolah turut menguasai

teknologi ini bagi memastikan tidak ketinggalan dalam dunia itu kerana percaya negara akan dijajah semula melalui IT sekiranya menjauhkan daripadanya.

IT penting untuk negara, bersesuaian dengan zaman seperti ini dan sudah pasti masyarakat Malaysia akan menguasai ilmu ini sepenuhnya sekiranya didedahkan segala kemudahan IT kepada rakyat.

"Yang penting, penguasaan itu mampu mempertahankan diri mereka daripada serangan yang akan dilakukan melalui IT dalam alaf akan datang," katanya.

(END)